



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
KELEBIHAN UMMAT
MUHAMMAD SAW



ISLAMIC SALVOUR OBEIDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"KELEBIHAN UMMAT MUHAMMAD SAW".1

| | |
|--|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ... وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾</p> | 2 |
| <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p> | 3 |
| <p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> | 4 |
| <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p> | 4 |
| <p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.</p> | 5 |
| <p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "KELEBIHAN UMAT MUHAMMAD SAW."</p> | 6 |



Imam Ibnu Jarir al-Tabari menukikan dalam Tafsirnya "al-Tabari" sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa ketika peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad SAW bersabda dengan maksudnya: Sesungguhnya Engkau Ya Allah telah menjadikan Nabi Ibrahim Alaihissalam sebagai kekasih, Engkau juga telah bercakap dan berbual dengan Nabi Musa Alaihissalam, Engkau telah memberikan kerajaan yang besar terhadap Nabi Daud Alaihissalam dan telah melenturkan besi untuknya serta telah menundukkan gunung baginya. Engkau juga telah memberikan kerajaan yang agung untuk Nabi Sulaiman Alaihissalam, telah menundukkan jin, manusia dan syaitan bagi Nabi Sulaiman Alaihissalam, Engkau juga telah menundukkan angin baginya dan Engkau juga telah memberikan kekuasaan kepada Nabi Sulaiman Alaihissalam, iaitu kekuasaan dan kedudukan yang tidak patut bagi seseorang yang lain setelah itu. Engkau telah mengajarkan Taurat kepada Nabi Musa Alaihissalam dan Injil kepada Nabi Isa Alaihissalam dan menjadikan dia dapat menyembuhkan orang buta dan penyakit sopak serta dapat menghidupkan kembali orang yang meninggal dunia dengan izin-Mu. Engkau juga telah melindunginya dan ibunya daripada syaitan hingga akhirnya tiada jalan bagi syaitan untuk menggoda Nabi Isa Alaihissalam.

7

Lalu Allah SWT berkata kepada Baginda SAW: Sesungguhnya Aku telah menjadikanmu sebagai kekasih, telah termaktub dalam kitab Taurat bahawa Nabi Muhammad SAW adalah kekasih Tuhan Yang Maha Pengasih, Aku telah mengutusmu untuk semua manusia bagi membawakan khabar gembira dan untuk memberi peringatan kepada mereka, Aku juga telah melapangkan dadamu dan Aku juga telah mengampunkan kesalahanmu serta meninggikan namamu dengan selalu disebut. Diri-Ku tidak akan pernah disebut kecuali kamu juga disebut bersama-Ku.

8



Allah SWT berfirman lagi: Aku juga telah menjadikan umatmu sebagai umat yang terbaik dikeluarkan untuk semua umat manusia. Aku juga telah menjadikan umatmu sebagai umat yang pertengahan (wasath) serta menjadikan mereka sebagai umat yang terdahulu masuk syurga sedangkan umat yang terakhir. Aku jadikan umatmu tidak harus bagi mereka berkhotbah sehingga mereka bersaksi bahawa kamu adalah hamba-Ku dan utusan-Ku. Aku jadikan daripada kalangan umatmu kaum-kaum yang hati mereka selalu lembut. Aku jadikan kamu sebagai Nabi pertama kali dari segi penciptaan dan menjadi Nabi terakhir dari segi utusannya. Aku telah memberikan kamu tujuh ayat dalam surah al-Fatihah yang tidak pernah diberikan kepada Nabi-nabi sebelum kamu, Aku berikan kamu penutup Surah al-Baqarah daripada perbendaharaan yang terdapat di bawah Arasy, hal ini tidak pernah Aku berikan kepada Nabi sebelum kamu, dan Aku berikan Telaga Kauthar kepadamu.

9

Selain itu, Aku telah kurniakan kepadamu lapan keutamaan, iaitu Islam, hijrah, jihad, solat, sedekah, puasa Ramadhan, amar makruf dan nahi mungkar (memerintahkan hal yang baik dan melarang hal yang mungkar). Aku juga telah menjadikan kamu sebagai pembuka dan juga sebagai penutup dan telah diwajibkan ke atas kamu lima puluh kali solat. Setelah itu perawi menyebutkan kisah berulang aliknya Nabi SAW antara Nabi Musa Alaihissalam dan Tuhannya untuk meminta pengurangan bilangan solat yang diperintah dalam sehari sehingga menjadi 5 kali sahaja.

10

Dialog Allah Taala dengan Nabi Muhammad SAW dalam peristiwa Mikraj ini memperincikan kelebihan umat Nabi Muhammad SAW. Walaupun Nabi dan umat terdahulu diberikan keistimewaan tertentu, namun kelebihan umat ini terlalu istimewa yang tidak diberikan kepada umat yang lain. Ini kerana Allah SWT sendiri telah menegaskan sedemikian.

11



Satu ketika Abu Ubaidah Radiallahuanhu bertanya kepada Rasulullah SAW, apakah ada orang yang lebih baik dari kami, sedangkan kami masuk Islam dan berjihad bersamamu?. Jawab Nabi SAW : Ada! Mereka adalah orang-orang yang datang setelah kamu, mereka beriman kepadaku, sedangkan mereka tidak pernah melihatku.

(Riwayat al-Tobarani).

12

Terdapat banyak lagi kelebihan umat Nabi Muhammad SAW. Sebahagian darinya adalah dimurahkan keampunan, ahli batil tidak dapat mengalahkan umat ini. Umat ini diberi kelebihan solat dan puasa. Solat antara kelebihannyab adalah keampunan, bebas dari sifat nifaq dan selamat dari neraka. Puasa pula kelebihanannya bersih tubuh dari yang haram, dekat dengan rahmat Allah SWT, beramal yang baik-baik, terpelihara dari lapar dan dahaga, mendapat cahaya dan melintasi titian dengan mudah serta mendapat kemuliaan-kemuliaan di syurga. Berbeza Rasulullah SAW dari Nabi-Nabi yang lain ialah menyimpankan doa mustajabnya untuk memberi syafaat kepada umatnya.

13

Kelebihannya lagi adalah pahala umat ini diganda-gandakan pahalanya berbanding umat yang lain. Umat ini dianugerahkan Istirja' iaitu sebutan (إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ) dan kerananya mereka mendapat selawat, keampunan dan rahmat, Allah SWT menutup aib maksiat yang kita lakukan, sedangkan maksiat yang dilakukan oleh umat terdahulu akan tertulis dosa dan kafarahnya di depan pintu-pintu rumah mereka. Nabi Isa Alaihissalam yang turun dan membunuh dajjal nanti bukan sebagai Nabi, tapi sebagai umat Nabi Muhammad SAW. Selain itu, Rasulullah SAW akan memberi minum umat ini dari air Telaga Kauthar.

14



Sebuah Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فُضِّلْتُ عَلَى الْأَنْبِيَاءِ بِسِتِّ أُعْطِيتُ جَوَامِعَ الْكَلِمِ
وَنُصِرْتُ بِالرُّعْبِ وَأُحِلَّتْ لِي الْغَنَائِمُ وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ طَهْرًا
وَمَسْجِدًا وَأُرْسِلْتُ إِلَى الْخَلْقِ كَافَّةً وَخُتِمَ بِي النَّبِيُّونَ

15

"Aku diberi keutamaan atas para nabi dengan enam perkara. Pertama: aku diberikan Jawami' al-Kalim جَوَامِعَ الْكَلِمِ. Kedua: Aku ditolong dengan rasa takut (yang dihunjamkan di dada-dada musuh aku). Ketiga: Ghanimah dihalalkan untukku. Keempat, bumi dijadikan suci untukku dan juga sebagai masjid. Kelima: Aku diutuskan kepada seluruh makhluk. Keenam: Para nabi ditamatkan dengan kerasulanku.

(Riwayat Muslim)

16

Pengajaran dari khutbah pada hari ini ialah:

1. Umat ini hendaklah bersyukur menjadi umat Muhammad SAW dengan menggunakan seluruh nikmat Allah yang Allah kurniakan kepada kita untuk mencari keredahaan-Nya, mematuhi suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya secara fizikal dan amalan hati.
2. Umat Islam hendaklah mengamalkan semampu mungkin sunnah Rasulullah SAW dan berpeluang besar meneguk air daripada Telaga Kauthar Rasulullah SAW.
3. Umat ini telah dimuliakan kerana tugas yang dipikulnya. Umat ini akan sentiasa dalam keutamaan, kebaikan dan dalam pertolongan Allah SWT selagimana menjalankan tugas para Nabi, mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkaran.

17



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ
الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

18

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik."

(Ali 'Imran : 110).

19

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

20

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

21



KHUTBAH KEDUA

| | |
|---|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p> | 1 |
| <p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.</p> | 2 |
| <p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> | 3 |
| <p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan kita supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p> | 4 |
| <p>Untuk itu, para jemaah dinasihatkan supaya mengamalkan kawalan sendiri, menjaga kebersihan diri dan sekitar. Jagalah penjarakan dan memakai pelitup muka untuk mengelak penularan. Elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang secara dekat terutama sekali jika mempunyai apa-apa gejala yang boleh dikaitkan dengan Covid-19.</p> | 5 |
| <p>Patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan bagi elakkan penularan wabak agar kita terus dapat beramal ibadah dan melaksanakan aktiviti pengimarahannya di masjid dan surau dan dapat bersama-sama beramal di bulan Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi seperti biasa.</p> | 6 |



| | |
|----|---|
| 7 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ |
| 8 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 9 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 10 | اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ. |
| 11 | اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، |
| 12 | جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. |
| 13 | اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطِينِ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، |
| 14 | فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْطَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. |



| | |
|---|----|
| <p>اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.</p> | 15 |
| <p>Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kau binalah semula keamanan dan kesejahteraan di bumi Palestin agar rakyatnya hidup bahagia.</p> | 16 |
| <p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p> | 17 |
| <p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p> | 18 |
| <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾</p> | 19 |



| | |
|---|----|
| <p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p> | 20 |
| <p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p> | 21 |